

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

SOALAN NO. 274

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan semula subjek Sains Pertanian di sekolah-sekolah rendah dan menengah bagi menggalakkan rakyat meminati dan menceburkan diri dalam bidang pertanian sebagai pilihan kerjaya alternatif.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mata pelajaran Sains Pertanian dilaksanakan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sejak tahun 1990. Selari dengan transformasi kurikulum kebangsaan, penambahbaikan telah dibuat kepada kurikulum pertanian sedia ada supaya selari dengan keperluan dan teknologi semasa. Kurikulum Pertanian telah dilaksanakan secara langsung dan secara merentas beberapa mata pelajaran sedia ada.

Melalui transformasi kurikulum KBSM, kementerian telah menjalankan kajian, semakan dan penambahbaikan pada kurikulum mata pelajaran elektif sedia ada iaitu Sains Pertanian untuk menghasilkan kurikulum yang lebih menarik serta memberi nilai tambah kepada murid. Mata pelajaran KBSM Sains Pertanian Tingkatan 4 dan 5 telah diberi nafas baharu serta

NO. SOALAN: 274

dijenamakan semula sebagai Pertanian Tingkatan 4 dan 5 serta dilaksanakan di 380 buah sekolah menengah harian seluruh negara.

Terdapat juga sekolah menengah harian terpilih yang melaksanakan mata pelajaran vokasional (MPV) berkaitan bidang pertanian di tingkatan 4 dan 5 sejak tahun 2002. Empat mata pelajaran vokasional iaitu Tanaman Makanan, Landskap Nurseri, Akuakultur Haiwan Rekreasi dan Pemprosesan Makanan. Selari dengan transformasi kurikulum kebangsaan, MPV telah diperkasakan melalui semakan dan penambahbaikan kurikulum yang dijalankan pada tahun 2018.

Pada peringkat sekolah rendah, komponen pertanian diajar dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di bawah tajuk Teknologi Pertanian. Pada peringkat menengah rendah, komponen pertanian diajar melalui mata pelajaran RBT di bawah tajuk Fertigasi dan Akuaponik.

Selain itu, KPM juga telah melaksanakan subjek Sains Pertanian kepada murid tingkatan 4 dan 5 di Sekolah Menengah Teknik (SMT). Sehingga kini, sebanyak tiga (3) SMT telah melaksanakan subjek Sains Pertanian iaitu SMT Johor Bahru, SMT Alor Setar dan SMT Melaka dengan jumlah kapasiti pelajar seramai 180 orang.

Selain daripada itu terdapat 3 buah Kolej Vokasional (KV) KPM yang menawarkan program bidang pertanian iaitu:

1. Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan, Perak;
2. Kolej Vokasional Dato' Lela Maharaja, Negeri Sembilan;
3. Kolej Vokasional Lahad Datu, Sabah;
4. Kolej Vokasional Pertanian Chenor, Pahang; dan
5. Kolej Vokasional Pasir Puteh, Kelantan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

SOALAN NO. 274

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar Malaysia yang menuntut di Timur Tengah khususnya Mesir dan nyatakan bidang pengajian yang diikuti serta bilangan pelajar yang mendapat tajaan Kerajaan Persekutuan/ Negeri dan persendirian.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 31 Disember 2018, seramai 11,278 orang pelajar Malaysia telah menyambung pengajian ke Mesir. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,510 orang mengikuti pengajian Sains Kesihatan dan 7,768 orang bagi bidang Pengajian Islam.

Berdasarkan jumlah ini, seramai 541 orang mendapat tajaan penuh, 1,960 orang mendapat dermasiswa, 113 orang menyambung pengajian dengan pembiayaan pinjaman kewangan dan 8,664 orang melalui dana persendirian (tanpa tajaan).

Di Jordan pula, seramai 333 orang pelajar mendapat tajaan daripada 810 orang keseluruhan pelajar Malaysia di Jordan. Pecahan berdasarkan bidang ialah 268 orang bagi Fiqh Wa Usulluh, 153 orang dalam bidang Perubatan Dan Surgeri, 148 orang dalam bidang Bahasa Arab, 80 orang

NO. SOALAN: 274

dalam bidang Ekonomi Perbankan Islam dan baki 161 orang dalam bidang Usuluddin, Pengajian Islam/Pendidikan Islam, Pengajian Islam/Dakwah, Pergigian, Pengajian Al Quran, Hadis, Fiqh Hanafi dan Tafsir.

Bagi lain-lain negara Timur Tengah, semua pelajar adalah di bawah tajaan negara penempatan atau universiti masing-masing.

RT36/274